

GXB x FIRSTY: TERMA DAN SYARAT KEMPEN TANPA SEMPADAN

(Tarikh berkuatkuasa: 15 April 2026)

1. Umum

- 1.1 GXB x Firsty: Kempen Tanpa Sempadan ("**Kempen**") dianjurkan oleh GX Bank Berhad ("**GXBank**") dan akan berlangsung dari **15 April 2026** hingga **15 Oktober 2026** (termasuk kedua-dua tarikh) atau sebagaimana yang ditentukan sebaliknya oleh GXBank dengan notis terlebih dahulu ("**Tempoh Kempen**").
- 1.2 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen Tanpa Sempadan GXB x Firsty ini ("**Terma dan Syarat**") dan mengakui bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh GXBank berkenaan Kempen adalah muktamad dan mengikat.
- 1.3 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan [Terma dan Syarat yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit](#) dan [Terma Penggunaan](#) GXBank.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu GXBank ("**Pelanggan yang Layak**" atau "**anda**") yang mempunyai dan mengekalkan akaun simpanan dengan GXBank ("**Akaun GX**") dalam kedudukan yang baik.
- 2.2 Individu berikut adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
 - (a) pelanggan yang mana Akaun GX atau kad debit GX ("**Kad GX**") mereka telah ditamatkan, dibekukan, ditutup, digantung, dianggap tertunggak atau sebaliknya dikendalikan secara tidak memuaskan sebagaimana yang ditentukan oleh GXBank semasa Tempoh Kempen;
 - (b) individu yang tidak siaman, meninggal dunia, diisytiharkan muflis atau mempunyai apa-apa tindakan undang-undang yang dimulakan terhadap mereka;
 - (c) pelanggan yang telah melakukan atau disyaki oleh GXBank melakukan apa-apa perbuatan penggelapan atau penyalahgunaan secara penipuan wang atau harta lain, menyalahi undang-undang atau salah berkenaan dengan mana-mana produk atau perkhidmatan GXBank; dan
 - (d) individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

3. Mekanik Kempen dan Kriteria Kelayakan

3.1 Untuk layak mendapat Ganjaran Kempen yang diterangkan dalam Klausula 4.1 di bawah, Pelanggan yang Layak mesti memenuhi kriteria-kriteria berikut semasa Tempoh Kempen (“**Kriteria Kelayakan**”):

- (a) anda mesti mempunyai Akaun GX sedia ada dalam kedudukan yang baik;
- (b) anda mesti menavigasi ke platform Firsty melalui pautan (*deep link*) khusus atau penempatan sepanduk promosi di dalam aplikasi mudah alih GXBank (“**Aplikasi GX**”);
- (c) anda mesti memilih dan membeli mana-mana pelan data perayauan ketersambungan global Firsty yang layak di platform Firsty;
- (d) anda mesti memasukkan alamat e-mel yang sah pada masa pembelian melalui portal Firsty; dan
- (e) anda mesti berjaya melengkapkan transaksi pembelian menggunakan pilihan pembayaran anda yang sah melalui portal Firsty.

4. Ganjaran Kempen

4.1 Pelanggan yang Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan yang diterangkan dalam Klausula 3.1 di atas semasa Tempoh Kempen akan layak untuk menerima ganjaran kempen berikut (“**Ganjaran Kempen**”):

Ganjaran Kempen	Kelayakan & Pengkreditan Ganjaran Kempen
Pulangan tunai 100% ke atas jumlah pembelian kali pertama Pelanggan yang Layak bagi pelan data perayauan global Firsty.	Kelayakan Ganjaran Kempen - Setiap Pelanggan yang Layak berhak untuk menerima Ganjaran Kempen ini hanya sekali (1) semasa Tempoh Kempen. - Ganjaran ini terpakai secara ketat kepada pengguna yang melengkapkan pembelian kali pertama di platform Firsty. - Pengguna mesti memasukkan e-mel yang sah pada masa pembelian untuk layak mendapat pulangan tunai tersebut. Jika Pelanggan yang Layak gagal untuk membuat demikian, Pelanggan yang Layak akan dilucut hak untuk mendapat pulangan tunai tersebut dan hak tersebut tidak boleh digunakan secara retrospektif atau dituntut pada mana-mana pembelian seterusnya.

	Pengkreditan Ganjaran Kempen - Pulangan tunai tersebut diberikan serta-merta apabila transaksi berjaya dilakukan di platform Firsty dan akan dikreditkan terus ke dalam dompot aplikasi Firsty pelanggan. - Kredit dompet ini ditetapkan secara ketat untuk penebusan seterusnya bagi mengimbangi pembelian eSIM pelanggan yang seterusnya di platform Firsty.
--	---

4.2 Di bawah adalah ilustrasi kelayakan untuk menerima Ganjaran Kempen.

Ilustrasi	Kelayakan Ganjaran Kempen
Pelanggan mengakses Firsty melalui pautan Aplikasi GX, mendaftar dengan alamat e-mel yang sah, dan membeli pelan data perjalanan bernilai RM50 .	Layak. Transaksi tersebut diproses dengan berjaya, dan pulangan tunai RM50 dikreditkan serta-merta ke dompet aplikasi Firsty pengguna untuk mengimbangi sepenuhnya pembelian pelan mereka yang seterusnya.
Pelanggan mengakses Firsty, memilih pelan eSIM, tetapi gagal memasukkan alamat e-mel atau melangkau ruangan alamat e-mel semasa daftar keluar.	Tidak Layak. Ganjaran pulangan tunai tersebut dilucuthakkan secara kekal. Ganjaran tersebut tidak boleh digunakan secara retrospektif oleh sokongan pelanggan atau dituntut dalam mana-mana pembelian masa hadapan.
Pelanggan melengkapkan pembelian pertama, menerima pulangan tunai dompet mereka, dan cuba melaksanakan transaksi kedua untuk mendapatkan satu lagi kredit pulangan tunai 100%.	Tidak Layak. Promosi ini dihadkan secara ketat kepada satu (1) penebusan bagi setiap pengguna unik dan sah untuk pembelian kali pertama sahaja . Pembelian seterusnya akan diproses pada kadar runcit standard.
Pelanggan meminta bayaran balik kewangan kerana mereka membeli pelan secara tidak sengaja atau tidak menggunakan data berkelajuan tinggi mereka sebelum ia tamat tempoh.	Tidak Layak. Terdapat polisi tiada bayaran balik yang ketat. Bayaran balik dihalang secara nyata untuk pembelian tidak sengaja, data tidak digunakan selepas pelan tamat tempoh, atau penipuan yang disyaki.

4.3 Jika GXBank kemudiannya mendapati bahawa Pelanggan yang Layak tidak layak untuk Ganjaran Kempen atau jika terdapat kesilapan dalam pengkreditan atau pemberian Ganjaran Kempen, GXBank berhak untuk menolak untuk mengkreditkan, atau untuk meminda, membetulkan, melaraskan, atau menuntut semula Ganjaran Kempen tersebut. Ini mungkin termasuk mendebitkan jumlah yang setara daripada Akaun GX Pelanggan yang Layak

(termasuk kedua-dua Akaun Utama dan mana-mana Pocket Simpanan). Jika baki dalam Akaun GX Pelanggan yang Layak tidak mencukupi untuk menampung jumlah Ganjaran Kempen tersebut, Pelanggan yang Layak mesti segera membayar ganti GXBank untuk jumlah tersebut apabila dituntut.

- 4.4 GXBank berhak untuk (a) membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen, (b) menolak untuk mengkreditkan atau membatalkan pengkreditan Ganjaran Kempen, atau menolak/mendebitkan jumlah yang setara dengan Ganjaran Kempen daripada Akaun GX Pelanggan yang Layak (termasuk kedua-dua Akaun Utama dan mana-mana Pocket Simpanan), dan/atau (c) mengambil apa-apa tindakan lain yang perlu, termasuk tindakan undang-undang, terhadap Pelanggan yang Layak jika:

- 4.4.1 GXBank menentukan bahawa Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat ini atau Terma dan Syarat yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit GXBank;
- 4.4.2 Pelanggan yang Layak didapati atau disyaki mengusik Kempen atau proses-prosesnya, termasuk sebarang aktiviti frod yang melibatkan perdayaan atau penipuan;
- 4.4.3 terdapat operasi atau penggunaan yang luar aturan atau tidak wajar bagi Akaun GX atau Kad GX Pelanggan yang Layak;
- 4.4.4 Pelanggan yang Layak terlibat dalam tindakan-tindakan frod atau tidak jujur, atau berkelakuan dengan niat jahat untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil ke atas GXBank, rakan-rakan kongsinya, atau penyedia-penyedia perkhidmatannya; dan/atau
- 4.4.5 sebarang kejadian berlaku yang memberikan GXBank hak untuk menggantung atau menamatkan mana-mana atau semua produk atau perkhidmatannya, seperti yang digariskan dalam Terma dan Syarat yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit GXBank.

5. Terma dan Syarat Am

- 5.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen, anda bersetuju dengan pengumpulan, pemprosesan, dan penggunaan data peribadi anda oleh GXBank selaras dengan [Dasar Privasi Data](#) GXBank. Tambahan pula, anda bersetuju dengan penggunaan data peribadi anda oleh GXBank untuk:

- (a) tujuan-tujuan yang berkaitan dengan Kempen; dan
- (b) aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh GXBank, yang mungkin merangkumi pelbagai bentuk pengiklanan dan publisiti melalui media seperti surat khabar, televisyen, radio, dan platform dalam talian. Ini mungkin melibatkan penggunaan butir-butir daripada penyertaan anda, bahan-bahan temu bual, maklum balas, dan gambar-gambar yang berkaitan. Anda juga bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang berkaitan dengan Kempen.

- 5.2 Melainkan dinyatakan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini, Kempen ini tidak boleh digabungkan dengan mana-mana promosi GXBank yang lain, dan tiada ganjaran tambahan akan ditawarkan.
- 5.3 Rekod-rekod transaksi yang disenggarakan oleh GXBank dan keputusannya berkenaan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat. GXBank tidak diwajibkan untuk memberikan sebab-sebab atau terlibat dalam surat-menyurat berkenaan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kempen.
- 5.4 Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, dan melainkan disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja GXBank, GXBank dengan nyata mengecualikan dan menafikan apa-apa representasi atau waranti (sama ada nyata atau tersirat, bertulis atau lisan) berkenaan dengan Kempen. Ini merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, waranti-waranti kualiti, kesesuaian untuk tujuan tertentu, dan yang dinyatakan dalam media massa, bahan-bahan pemasaran, atau pengiklanan.
- 5.5 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen, anda bersetuju bahawa GXBank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab jika ia tidak dapat memenuhi mana-mana obligasinya, secara keseluruhan atau sebahagiannya, disebabkan oleh keadaan-keadaan di luar kawalannya. Ini merangkumi kegagalan peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, masalah elektrik, pertikaian perindustrian, peperangan, mogok, rusuhan, pandemik, bencana alam, atau apa-apa kejadian force majeure yang lain.
- 5.6 GXBank, bersama-sama dengan pegawai-pegawai, pekerja-pekerja, wakil-wakil, dan ejen-ejennya (termasuk mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik untuk Kempen), tidak akan bertanggungjawab ke atas atau menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk yang timbul daripada Kempen, sama ada dialami secara langsung atau tidak langsung oleh anda atau mana-mana pihak ketiga, kecuali dalam kes-kes kecuaiian melampau atau salah laku sengaja GXBank yang berkaitan secara khusus dengan Kempen.
- 5.7 GXBank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung ke atas apa-apa kegagalan teknikal, gangguan, atau kesilapan (sama ada elektronik atau manusia) dalam pentadbiran atau pemprosesan transaksi-transaksi yang dilaksanakan melalui aplikasi mudah alih GXBank ("**Aplikasi GX**").
- 5.8 GXBank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa International, MasterCard Worldwide, peniaga-peniaga, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi, atau mana-mana pihak lain, yang mungkin mengakibatkan ketidakupayaan anda untuk menuntut ganjaran-ganjaran di bawah Kempen.
- 5.9 GXBank tidak akan bertanggung ke atas apa-apa salah tafsir atau salah nyata fakta berkenaan dengan Kempen oleh pihak-pihak ketiga yang tidak dibenarkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran, atau pengiklanan.

- 5.10 Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa bahan pengiklanan, promosi, publisiti, atau bahan-bahan lain yang berkaitan dengan Kempen, Terma dan Syarat ini hendaklah mengatasi.
- 5.11 GXBank berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan, atau menamatkan Kempen, secara keseluruhan atau sebahagiannya, pada bila-bila masa sebelum akhir Tempoh Kempen. Notis terdahulu akan diberikan melalui penyiaran di laman web GXBank di gxbank.my/notices, melalui Aplikasi GX, atau melalui apa-apa kaedah lain yang ditentukan oleh GXBank. Apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan, atau penamatan Kempen oleh GXBank tidak akan melayakkan anda kepada apa-apa tuntutan atau pampasan untuk kerugian atau kerosakan yang ditanggung sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan-tindakan ini.
- 5.12 GXBank berhak untuk menambah, memotong, menggantung, atau mengubah suai Terma dan Syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, pada bila-bila masa. Notis terdahulu akan diberikan kepada anda melalui penyiaran di laman web GXBank di gxbank.my/notices, melalui Aplikasi GX, atau melalui apa-apa kaedah lain yang ditentukan oleh GXBank.
- 5.13 Anda bersetuju untuk kerap menyemak laman web GXBank untuk kemas kini mengenai Kempen dan Terma dan Syarat ini, termasuk apa-apa notis daripada GXBank yang berkaitan dengan Kempen. Jika anda mempunyai apa-apa soalan atau memerlukan penjelasan mengenai Kempen atau Terma dan Syarat ini, sila hubungi wakil-wakil GXBank yang diberi kuasa.
- 5.14 Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, dan anda bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.
- 5.15 Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan antara versi bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini dan versi-versi dalam bahasa-bahasa lain (termasuk Bahasa Malaysia), versi bahasa Inggeris hendaklah mengatasi.
- 5.16 Untuk pertanyaan atau maklum balas berkenaan dengan Kempen, sila hubungi kami melalui fungsi sembang dalam Aplikasi GX, hubungi pasukan Sokongan Pelanggan kami di +603 7498 3188, atau e-mel kami di ask@gxbank.my.